

Kajian ASLI um-10/10/2006 tidak munasabah – Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 9 Okt. – Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan hasil kajian Institut Kajian Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) bahawa bumiputera menguasai 45 peratus ekonomi negara sebagai tidak munasabah.

Bekas Perdana Menteri berkata, ia seolah-olah menunjukkan bumiputera telah menguasai sebahagian daripada kekayaan negara sedangkan pada hakikatnya penguasaan mereka di dalam bidang ekonomi masih kecil berbanding dengan kaum lain.

Apa yang lebih membimbangkan beliau ialah hasil kajian seumpama itu boleh menyebabkan berlakunya pertelingkahan kaum yang akhirnya akan memberi mudarat kepada negara.

“Sekiranya orang Melayu telah kuasai 45 peratus ekonomi di negara ini, saya ingat ia lebih daripada orang Cina. Mereka telah kuasai semua sektor ekonomi. Saya tidak tahu atas asas apa kajian itu dilakukan.

“Sebenarnya jika kita membuat kenyataan yang tidak berasas ia cuma menyakitkan hati orang. Buat apa kita buat perkara seperti itu,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Kuala Lumpur di Kelab Sultan Sulaiman, malam ini.

Beliau mengulas kajian ASLI bertajuk Pengagihan Ekuiti Korporat: Arah Aliran Laju dan Polisi Masa Depan yang mendakwa bumiputera sudah mencapai ekuiti ekonomi dalam negara sehingga 45 peratus iaitu melepasi sasaran DEB sebanyak 30 peratus.

Kajian itu menimbulkan persoalan pelbagai pihak yang tertanya-tanya bagaimana bumiputera mencapai tahap tersebut sedangkan ketika ini penguasaan mereka dalam ekonomi hanya 18 peratus.